

BAB

3

PEMBANGUNAN EKONOMI BANDAR DAN SEKTOR INFORMAL

3.1 Pengenalan

Selepas mencapai kemerdekaan, rata-rata negara Dunia Ketiga mengatur strategi untuk membangun, melalui program jangka panjang dan program jangka pendek. Penjajahan telah meninggalkan beberapa implikasi, baik positif maupun negatif ke atas sosioekonomi masyarakat. Tujuan membangun adalah untuk menebus maruah negara yang telah sekian lama dibelenggu oleh sistem penjajahan yang mengaut keuntungan daripada negeri yang dijajah. Manakala rakyat tempatan tinggal tersisih dengan kegiatan ekonomi tradisional. Negara Dunia Ketiga bercita-cita untuk membangun secepat mungkin, setanding dengan negara maju di Barat. Maka dengan ini, berbagai-bagi rancangan pembangunan disusun yang melibatkan rancangan pembangunan bandar dan luar bandar.

Matlamat utama berbagai-bagi rancangan pembangunan adalah untuk mencapai kejayaan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Penekanan kepada kejayaan ekonomi, dilakukan secara menyeluruh dan kesannya amat ketara dalam membina nilai dan "worl-view" moden (lihat Foster-Carter, 1985; Shamsul Amri Baharuddin, 1985; Rahimah Abdul Aziz, 1989; Wan Kadir Yusoff, 1992). Biasanya, pembangunan mempunyai kaitan yang rapat dengan pemodenan. Maka, ramai di kalangan pengkaji pembangunan telah menghubungkaitkan

pembangunan dengan pemodenan (lihat Lerner, 1963; Webster, 1984; Mohd Shukri Abdullah, 1989; Rahimah Abdul Aziz, 1989).

Walaupun konsep modenisasi mendapat kritikan (lihat Hilal, 1970; Frank, 1973; Taylor, 1979), namun pembangunan dan pemodenan tidak dapat dipisahkan, malah berhubungkait di antara satu sama lain (lihat Swift, 1965; Ness, 1967; Wilson, 1967; Parkinson, 1967). Selalunya, dalam perancangan pembangunan, pembinaan konsep pembangunan dan pembandaran adalah berasaskan kepada kemodenan, sebagaimana negara-negara maju di Barat. Walaupun ahli-ahli sains sosial, ahli ekonomi dan ahli-ahli politik mencadangkan agar perubahan sosial dan sikap, tetapi Midgley (1981) berpendapat bahawa ianya sukar dicapai dan sukar dilaksanakan di kebanyakan negara Dunia Ketiga.

Walau apa masalah dan halangan yang terdapat di Dunia Ketiga, pergantungan ekonomi kepada sektor pertanian hendaklah dikurangkan. Manakala ekonomi perdagangan dan perindustrian menjadi agenda utama untuk membangunkan negara. Kemiskinan yang merupakan isu dan masalah utama di Dunia Ketiga, akan dibasmi melalui pembangunan perdagangan dan perindustrian, di samping menyediakan kemudahan infrastruktur yang meluas dan mencukupi. Selaras dengan cita-cita dan harapan ini, penekanan diberi oleh pemerintah negara Dunia Ketiga terhadap pembangunan perdagangan dan perindustrian. Kawasan-kawasan baru diteroka dan ditebus guna, pembangunan bandar diperhebatkan dan berbagai-bagai insentif diberi untuk membangunkan perdagangan dan perindustrian (lihat Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1994).

Rakyat jelata menyambut baik langkah dan strategi pemerintah ini. Mereka berebut-rebut untuk mengambil bahagian, bagi meningkatkan taraf sosioekonomi individu dan keluarga yang telah sekian lama berada dalam kancang kemiskinan. Lantaran peluang-peluang pekerjaan lebih banyak terdapat di bandar-bandar, hasil daripada perdagangan dan perindustrian yang banyak diwujudkan di bandar-bandar, maka ramai penduduk desa berhijrah ke bandar secara sukarela. Aliran penghijrahan ini berterusan atas faktor-faktor menolak di desa dan faktor menarik di bandar. Oleh itu, proses pembandaran yang dialami oleh negara Dunia Ketiga begitu menarik dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri (Sulong Mohamad dan Rahimah Abd. Aziz 1985; Mohd Razali Agus dan Fashbir Noor Sidin, 1998).

Kini, negara Dunia Ketiga berdepan dengan masalah dan cabaran pembandaran. Pengalaman negara Dunia Ketiga, menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi tidak membawa kepada penghapusan kemiskinan dan pemberian agihan pendapatan (Chamhuri Siwar, 1996: 21). Kemiskinan masih melanda negara Dunia Ketiga. Pada tahun 1990, dianggarkan lebih satu bilion penduduk negara Dunia Ketiga dilanda kemiskinan, terutamanya di Asia Selatan, Afrika, Sub-Sahara dan Latin Amerika (Bank Dunia, 1989). Hasil daripada kajian-kajian yang dilakukan, terdapat berbagai-bagai faktor kenapa fenomena ini masih berlaku, sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Oleh itu, dalam bab ini, pengkaji akan cuba mengupas konsep dan pembangunan ekonomi bandar serta ciri-ciri yang terdapat di bawah tajuk-tajuk khusus, untuk difahami dengan lebih mendalam dengan rujukan khusus ke atas ekonomi bandar Malaysia, salah sebuah negara Dunia Ketiga yang pesat membangun.

Telah diperkatakan sebelum ini, bahawa pembandaran yang berlaku di negara Dunia Ketiga tidak mengubah corak pekerjaan penduduknya kepada sektor perindustrian tetapi kepada sektor perkhidmatan. Dengan yang demikian, dalam bab ini juga, pengkaji akan cuba menilai struktur ekonomi bandar, sama ada ianya masih serasi ataupun tidak dengan pendekatan klasik iaitu "dualisme ekonomi bandar" setelah tiga dekad konsep ini dipopularkan. Khusus bagi ekonomi bandar raya Kuala Lumpur, konsep "dualisme ekonomi bandar" akan dicari, sama ada ianya masih wujud ataupun tidak, ketika dikaitkan ekonomi bandar raya ini telah banyak berubah maju.

3.2 Ekonomi Malaysia Dari Segi Sejarah Dan Perubahan

Pertanian merupakan asal dan asas ekonomi hampir keseluruhan negara di dunia ini. Kemudiannya, struktur ekonomi ini berubah kerana perubahan masa dengan memasukkan sektor perindustrian dan sektor-sektor lain (Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1994: 1). Perubahan struktur ini boleh berlaku sama ada secara sengaja atau secara sendiri. Perubahan secara sengaja apabila melalui proses yang dirancang oleh kerajaan dengan tujuan untuk mencapai sesuatu matlamat. Perubahan juga boleh berlaku tanpa dirancang, tetapi berubah mengikut peredaran masa, suasana sosioekonomi, sosiopolitik dan kuantiti serta kuantiti sumber semasa yang ada (Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1994: 1).

Perubahan ini kerap difahamkan sebagai kemajuan dan pembaikan ekonomi sesebuah negara. Kekuatan ekonomi di kebanyakan negara maju sekarang, banyak bergantung kepada sektor perindustrian. Menurut teori

pembangunan "ortodoks", kemiskinan Dunia Ketiga disebabkan kekurangan teknologi moden dan kadar pertumbuhan ekonomi yang terlalu rendah. Ekonomi Dunia Ketiga boleh berkembang dengan pesat dan kemiskinan dapat dikurangkan dan akhirnya dapat dihapuskan sama sekali, jika negara-negara tersebut melabur wang yang cukup ke atas teknologi moden (Rangkaian Dunia Ketiga, 1987: 19).

Sebagaimana negara-negara membangun yang lain, ekonomi Malaysia, asasnya berlandaskan pertanian. Era penjajahan yang bermula pada tahun 1511 dan berakhirnya pada tahun 1957, terutamanya penjajah Inggeris, telah banyak mengubah struktur ekonomi Malaysia. Inggeris bertanggungjawab memperkenalkan tanaman baru seperti getah dan kelapa sawit serta sistem pengurusan baru pertanian secara perladangan. Melalui sistem ini, penjajah Inggeris membawa masuk ramai buruh India untuk bekerja di ladang-ladang kepunyaan mereka. Di sektor lain, kemasukan pendatang-pendatang Cina untuk memusatkan lagi kegiatan perlombongan, khususnya bijih timah. Galian ini dan getah menjadi nadi utama ekonomi negara ketika itu. Sektor pembuatan, hanya merangkumi aktiviti peringkat ringan, yang sebahagian besarnya merupakan pengganti import, termasuk simen, bata, bahan minuman dan makanan, tembakau, tayar, kasut dan sabun (Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1994: 2). Seterusnya, pihak Inggeris membina infrastruktur untuk menyenangkan pengangkutan bahan-bahan ini seperti jalan raya dan jalan keretapi. Kegiatan ekonomi ini dikuasai oleh migran Cina dan India, manakala orang-orang Melayu dibiarkan mengusahakan pertanian tradisional dan sebagai nelayan.

Bermula daripada kegiatan-kegiatan inilah, bandar-bandar di Malaysia berkembang dan seterusnya mengalami pertumbuhan yang pesat. Selepas merdeka, struktur ekonomi Malaysia mengalami perubahan. Kemerdekaan diisi dengan pembangunan negara. Nilai-nilai moden diterapkan kepada rakyat jelata untuk membangun, dengan model-model dan pembangunan negara maju di Barat. Strategi dan program perindustrian dan perdagangan dirancang, serta dilaksanakan dalam rancangan-rancangan pembangunan negara. Kemudiannya, struktur ekonomi Malaysia mengalami perubahan yang bermakna selepas berlakunya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Selepas tarikh tersebut, kerajaan Malaysia telah melancarkan beberapa dasar ekonomi, bermula dari Dasar Ekonomi Baru (DEB) sehingga ke Dasar Pembangunan Nasional (Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1994: 3). Dasar-dasar yang dilaksanakan ini, semata-mata bertujuan untuk menyusun semula masyarakat supaya ianya tidak dikenali melalui fungsi ekonomi dan pengagihan pendapatan yang adil dan saksama serta membasmi kemiskinan, terutamanya orang-orang Melayu yang telah sekian lama ketinggalan (lihat Khadijah Muhamad dan Halimah Awang, 1991). Selain daripada itu, dasar-dasar ini juga bertujuan untuk mempersiapkan diri untuk menuju negara maju pada tahun 2020 (lihat Jurij Hj.Jalaludin; 1991).

Apabila DEB dilancarkan pada tahun 1971, pihak kerajaan mengharapkan bahawa dasar ini akan dapat membawa masyarakat majmuk di negara ini ke arah satu matlamat yang murni, iaitu perpaduan nasional. Untuk mencapai matlamat ini, Malaysia berkehendakkan bukan hanya setakat kadar perkembangan ekonomi tinggi (H.Osman-Rani, 1991). Dalam usaha

nenumpukan tenaga bagi mencapai pembangunan ekonomi yang cepat, kita terpaksa sama sekali menentukan adanya keadaan masyarakat yang adil, pembahagian pendapatan yang saksama dan peluang-peluang pekerjaan yang bertambah (Malaysia, 1971: VI). DEB mengandungi dua langkah pembangunan. Pertama, mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Kedua, mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat bagi membaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang, supaya dapat mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi (Malaysia, 1971: 1).

Proses ini melibatkan pembaharuan penghidupan luar bandar, perkembangan kegiatan-kegiatan bandar yang cepat dan seimbang dan mewujudkan satu masyarakat perniagaan dan perusahaan di kalangan orang-orang Melayu serta kaum bumiputra yang lain dalam semua jenis dan peringkat pekerjaan, supaya mereka boleh menyertai dengan sepenuhnya dalam semua segi ekonomi (lihat Malaysia, 1971). Dengan ini, strategi pembangunan masyarakat dan negara diperteguhkan ke arah pembangunan industri, termasuklah industri berat (Zainal Kling 1989: 83). Bandar terutamanya bandar-bandar besar menjadi lokasi pilihan untuk pembangunan perindustrian kerana segala kemudahan atas sedia ada. Tenaga buruh dari luar bandar diperlukan untuk bekerja di kilang-kilang yang dibangunkan. Maka, penduduk luar bandar berhijrah beramai-ramai untuk merebut peluang-peluang pekerjaan ini, sehingga bandar menghadapi tekanan penduduk yang berlebihan (lihat Sulong Mohamad dan Rahimah Abd. Aziz, 1985). Sektor pertanian telah mula dilupakan,

terutamanya oleh jenerasi muda, walaupun pihak kerajaan juga berusaha untuk memajukan sektor ini.

Walaupun pertumbuhan ekonomi Malaysia agak pesat sejak merdeka, iaitu KDNK berkembang pada kadar 6 peratus setahun mengikut nilai sebenar sejak tahun 1957 hingga 1970 (lihat Malaysia, 1976), dan 7.8 peratus setahun pada tahun-tahun 1971-1980 (lihat Malaysia, 1981) dan pendapatan purata sebulan isirumah di Semenanjung Malaysia telah meningkat daripada RM 199 (1957/1958) kepada RM 264 (1970), namun peningkatan ini tidak bermakna bahawa agihan kekayaan negara adalah sama rata di antara kawasan strata dan mengikut kaum (Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1985:10). Pada tahun 1957-1958, dari segi strata, pendapatan purata isirumah di luar bandar ialah RM 170 berbanding RM 261 di bandar. Dalam tempuh masa yang sama pendapatan purata kaum Melayu hanyalah RM 144 berbanding RM 272 bagi kaum Cina. Keadaan seperti ini berterusan sehingga dekad 1980-an. Kemiskinan masih lagi wujud sama ada di bandar atau luar bandar.

Perkembangan aliran ekonomi Malaysia adalah berdasarkan sistem ekonomi "dualisme", iaitu sistem ekonomi moden dan sistem ekonomi tradisional (lihat Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1985: 1-15). Sistem ekonomi moden ini sering dikaitkan dengan bandar dan perindustrian yang mempunyai sifat-sifat pertumbuhan yang tinggi, maju dan berpendapatan lumayan. Manakala sistem ekonomi tradisional pula dikaitkan dengan desa dan pertanian yang mempunyai sifat-sifat yang mundur, ketinggalan dan berpendapatan rendah. Peratus kemiskinan yang tinggi tertumpu di kawasan luar

bandar dan sektor pertanian. Misalnya, pada tahun 1970, sejumlah 60 peratus penduduk luar bandar adalah miskin, manakala di bandar hanya 21.3 peratus.

Menyedari hakikat keburukan daripada terlampau bergantung kepada eksport bahan mentah, masalah kemiskinan, pengangguran, agihan pendapatan yang tidak sama, maka kerajaan Malaysia menyusun langkah untuk mempelbagaikan ekonomi negara seperti menerapkan perindustrian di sektor pertanian, mempelbagaikan sektor pertanian dan perindustrian, meningkatkan sektor petroleum dan sebagainya. Usaha-usaha ini dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat.

Pada asasnya ekonomi Malaysia digerakkan oleh tiga sektor utama. Iaitu kegiatan ekonomi peringkat pertama, peringkat kedua dan peringkat ketiga (lihat Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1985). Kegiatan ekonomi peringkat pertama adalah kegiatan peringkat awal yang tidak melibatkan pemprosesan. Contohnya adalah seperti pertanian, penternakan, perikanan, perhutanan, perlombongan dan kuari. Barang keluaran sektor pertama ini perlu diproses terlebih dahulu sebelum dapat digunakan. Selalunya kegiatan ekonomi peringkat pertama diusahakan di luar bandar.

Kegiatan ekonomi peringkat kedua pula adalah kegiatan ekonomi yang kebanyakannya merupakan lanjutan daripada peringkat pertama. Aktiviti peringkat kedua lebih bersifat pemprosesan ke atas bahan mentah keluaran peringkat pertama atau barang separuh siap kepada barang siap dan biasa disebut kegiatan pembuatan. Sektor pembuatan juga dikenali sebagai sektor perindustrian dan perkilangan yang kebanyakannya berpusat di bandar-bandar.

Kegiatan ekonomi peringkat ketiga pula adalah aktiviti ekonomi yang tidak menghasilkan barang. Ianya merupakan kegiatan yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan. Kegiatan peringkat ini merangkumi bidang-bidang seperti pentadbiran, pertahanan, kemudahan asas dan pengangkutan. Di Malaysia, kegiatan ekonomi peringkat ketiga dipecahkan pula kepada tiga subsektor. Pertama, perkhidmatan pengeluar dengan aktiviti-aktiviti seperti pengangkutan, penyimpanan, perhubungan, kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Kedua ialah perkhidmatan awam dengan aktiviti seperti perkhidmatan kerajaan, elektrik, gas dan air. Manakala ketiga pula ialah perkhidmatan lain dengan aktiviti-aktiviti seperti perdagangan borong, runcit, hotel, restoran, perkhidmatan sosial, perkhidmatan sukarela dan perkhidmatan kebajikan, perkhidmatan swasta tanpa untung dan perkhidmatan rumah tangga.

Pembahagian kegiatan ekonomi seperti ini, secara umumnya sektor peringkat pertama adalah sektor yang mewarisi sektor tradisional di desa manakala peringkat kedua dan ketiga pula adalah sektor moden di bandar. Ekonomi Malaysia sedang menuju perubahan ke sektor ekonomi peringkat kedua dan ketiga kerana kedua-dua sektor ini memberi pulangan yang tinggi. Pemerintah negara ini berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kegiatan ekonomi, terutamanya di peringkat kedua yang merangkumi kegiatan perindustrian dan pembuatan, memandangkan negara ini banyak bahan-bahan mentah keluaran peringkat pertama. Setelah mengalami perubahan, struktur ekonomi Malaysia dirangsangkan oleh dua sektor ekonomi utama, iaitu ekonomi sektor formal dan ekonomi sektor informal. Manakala sejumlah besar pendapatan negara, datangnya dari sumber-sumber yang terdapat di bandar.

3.3 Struktur Ekonomi Bandar Dan Klasifikasi Pekerjaan

Rancangan pembangunan negara, yang disusun oleh negara Dunia Ketiga, adalah bertujuan untuk membangunkan negara dari segi kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial. Matlamat utama adalah untuk menjadi negara maju sebagaimana negara maju di Barat. Kemiskinan yang berlaku di negara Dunia Ketiga, salah satu puncanya adalah tidak diberi penekanan dalam pembangunan perindustrian dan perdagangan, tidak sebagaimana negara maju di Barat. Pergantungan kepada ekonomi peringkat pertama semata-mata, ternyata tidak dapat membangunkan negara, kerana sektor ekonomi ini menghadapi berbagai-bagai masalah. Menyedari hakikat ini, membangunkan negara dengan ekonomi perindustrian dan perdagangan, adalah menjadi agenda utama, dalam rancangan pembangunan negara Dunia Ketiga (lihat Rangkaian Dunia Ketiga, 1987). Implikasinya, pembandaran berlaku dengan pesat sekali, kerana penduduk desa beramai-ramai berhijrah ke bandar, terutamanya bandar utama, untuk merebut peluang-peluang ekonomi bandar, dari segi menawarkan diri sebagai pekerja di sektor perindustrian dan perdagangan (sektor formal).

Bandar-bandar utama negara Dunia Ketiga yang pada mulanya menjadi pusat kegiatan ekonomi peringkat pertama, mulai berubah dan membuka ruang untuk pertumbuhan kegiatan ekonomi perindustrian dan perdagangan (peringkat kedua). Kegiatan ekonomi ini mula mengambil tempat kegiatan ekonomi peringkat pertama. Sementara itu, pembandaran pesat yang dialami oleh bandar-bandar utama negara Dunia Ketiga, menyebabkan bandar-bandar berkenaan berkembang berkali-kali ganda, berbanding dengan bandar-bandar

lain dalam negeri yang sama. Keadaan ini adalah salah satu dimensi pembandaran di negara Dunia Ketiga. Ianya dipanggil pembandaran "pseudo" (McGee, 1982).

Di Malaysia, fenomena penghijrahan penduduk desa ke bandar, telah mempercepatkan lagi proses pembandaran (Mohd Razali Agus, 1988:163). Mereka berhijrah kerana di bandar banyak terdapat peluang-peluang ekonomi, berbanding di desa, yang mana kegiatan ekonomi diusahakan secara tradisi (Chamhuri Siwar, 1998). Ekonomi yang diusahakan secara tradisi di desa, tidak banyak dapat mengubah taraf sosioekonomi pengiatnya. Keadaan ini berlainan sekali dengan ekonomi bandar, yang mana menjanjikan kadar upah atau pulangan yang agak lumayan kepada pengusahanya. Oleh yang demikian, ada di kalangan pengkaji bandar berpendapat bahawa penghijrahan penduduk desa ke bandar di Dunia Ketiga, bukanlah semata-mata kerana wujudnya pekerjaan-pekerjaan yang memberi upah, tetapi penghijrahan berlaku didorong oleh terdapatnya peluang-peluang untuk mencari pendapatan di luar daripada bekerja di sektor perindustrian dan perdagangan (lihat Hart, 1971; 1973; McGee, 1982).

Kebanyakan kajian terhadap penghijrah, didapati mereka berasal daripada golongan miskin di luar bandar, taraf pelajaran mereka rendah dan tidak mempunyai kemahiran. Oleh itu, sektor formal bandar tidak dapat menerima mereka sebagai pekerja. Jadi, untuk mencari pendapatan, mereka mengusahakan kegiatan di sektor informal, yang sememangnya mempunyai banyak peluang di bandar. Di antara sektor informal yang diusahakan ialah seperti menjaja, bertukang, pemandu teksi, tukang jahit dan sebagainya. Dengan

ini, walaupun bandar keseluruhannya menampakkan kegiatan ekonomi moden, tetapi aktiviti-aktiviti tradisional masih diamalkan seperti aktiviti menenun, perniagaan runcit dan perusahaan-perusahaan rumah yang tidak memerlukan penggunaan teknologi yang maju (Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1985: 5).

Struktur ekonomi bandar terbahagi kepada dua (Hart, 1971). Pertama kegiatan ekonomi yang berkaitan dengan sektor formal yang juga dikatakan sektor moden, maju dan berteknologi tinggi. Manakala keduanya sektor informal, juga dipanggil sektor tradisi yang dicirikan sebagai mundur, tidak berkembang, banyak menggunakan tenaga buruh dan berteknologi rendah. Pembahagian kegiatan ekonomi bandar kepada sektor formal dan sektor informal, adalah merupakan satu pendekatan yang dipanggil "dualisme ekonomi bandar". Hart (1971); ILO (1992); Bromley (1979) dan Santos (1979) telah memperincikan konsep "dualisme ekonomi bandar". Walaupun terdapat beberapa kekeliruan tentang konsep ini, terutama mengenai ekonomi sektor informal, namun peranannya dalam pembangunan ekonomi bandar negara Dunia Ketiga tidak dapat dinafikan. Malah, kegiatan ekonomi sektor informal dapat menampung tekanan terhadap keperluan pekerjaan di bandar.

Tumpuan kegiatan ekonomi di bandar adalah di dalam sektor kedua (sekunder) dan ketiga (tertier). Sektor kedua merupakan kegiatan pengeluaran hasil perkilangan atau pembuatan, termasuk pemerosesan bahan separuh siap kepada bahan yang boleh digunakan seperti makanan dan alat perkakasan. Manakala sektor ketiga pula lebih mementingkan cara bagaimana bahan

keluaran sektor pertama dan kedua boleh sampai kepada pengguna. Kegiatan tersebut juga melibatkan pihak-pihak lain seperti institusi kewangan, pentadbiran, broker, saudagar dan sebagainya yang bersifat perkhidmatan. Kegiatan primer, kurang terdapat di bandar, sebaliknya kegiatan sekunder dan tertier adalah merupakan bidang ekonomi bandaran yang utama. Kebelakangan ini, muncul satu lagi bidang kegiatan ekonomi di bandar, yang dikenali sebagai industri keempat, yang meliputi semua kegiatan yang berhubung dengan komunikasi ekonomi, perkhidmatan perundingan dan bidang ekonomi moden yang lain. Di dalam bandar-bandar moden, sektor kedua, ketiga dan keempat merupakan kegiatan yang penting dalam mengembangkan ekonomi bandaran (Katiman Rostam, 1988:143-144).

Mengikut ahli geografi bandar, tidak semua kegiatan ekonomi di bandar boleh memajukan dan menyumbangkan pendapatan kepada keseluruhan bandar. Terdapat beberapa kegiatan ekonomi yang asas dan mendatangkan pendapatan kepada bandar, sementara kegiatan ekonomi yang lain adalah kegiatan pelengkap kepada kegiatan yang asas tadi. Semua kegiatan ekonomi yang membawa masuk pendapatan dari luar kawasan ke bandar, boleh dianggap sebagai kegiatan asas. Oleh itu, semua kegiatan ekonomi seperti pengeluaran, pembuatan, perdagangan, perniagaan, perkhidmatan, pembinaan, pengangkutan dan sebagainya yang membawa masuk sumber kewangan atau pendapatan kepada sesebuah bandar, pada umumnya adalah kegiatan asas. Manakala kegiatan seperti perkhidmatan pentadbiran, perniagaan dan pengagihan, lazimnya adalah dianggap sebagai kegiatan bukan asas (Katiman Rostam, 1988:144). Secara umum, yang dikatakan kegiatan ekonomi asas tadi,

adalah merujuk kepada kegiatan ekonomi sektor formal, manakala kegiatan ekonomi pelengkap kepada kegiatan asas (bukan asas) pula adalah merujuk kepada ekonomi sektor informal.

Dalam ekonomi bandar Dunia Ketiga, di antara sektor ekonomi formal dan sektor ekonomi informal, saling berkaitan dan mempunyai hubungan timbal balik di antara satu sama lain. Oleh itu, sesetengah pengkaji menyatakan sektor informal adalah pelengkap sistem ekonomi bandar. Dalam hal ini, Drakakis-Smith (1987: 21) cuba menjelaskan perhubungan di antara kedua-dua sektor ini seperti pekerja kilang (sektor formal) tinggal di perumahan setinggan (sektor informal), manakala dari segi pengeluaran, boleh dilihat menerusi urusan sub-kontrak daripada firma formal kepada unit kecil-kecilan atau unit keluarga.

Penelitian Hart (1971) terhadap aktiviti ekonomi bandar kepada sektor formal dan sektor informal adalah berdasarkan peluang pendapatan yang diperolehi oleh penduduk bandar. Penduduk bandar memperolehi pendapatan melalui peluang-peluang seperti berikut:

- i. Peluang pendapatan formal
 - a) upah sektor awam
 - b) firma swasta (upah, dividen dan lain-lain)
 - c) bayaran pindahan (pencen dan faedah pengangguran)
- ii. Peluang pendapatan informal yang sah
 - a) aktiviti primer dan sekunder – petanian, kontraktor bangunan, tukang jahit, pelukis individu, pembuat kasut dan lain-lain.

- b) Perusahaan ketiga dengan input modal yang besar seperti perumahan, pengangkutan dan lain-lain.
 - c) Pengagih berskala kecil – operasi pasar, peniaga kecil, peniaga jalanan dan lain-lain.
 - d) Perkhidmatan lain-lain – pemuzik, tukang gunting, jurugambar dan lain-lain.
 - e) Bayaran pindahan swasta seperti hadiah, pinjaman dan lain-lain.
- iii. Peluang pendapatan informal yang tidak sah.
- a) penyeludup, perasuah, pelacur dan lain-lain
 - b) pendapatan pilihan – penyeluk saku, pejudi dan lain-lain.

Mengenai ekonomi bandar raya Kuala Lumpur, ia hanya dapat dikesan telah banyak berubah maju. Ekonomi bandar raya Kuala Lumpur sebagaimana yang ada pada hari ini, telah melalui beberapa peringkat perubahan, sepanjang tempoh sejarahnya. Pada peringkat awal pembukaanya, ia merupakan pusat kegiatan ekonomi peringkat pertama (perlombongan dan pertanian). Kemudian sepanjang tempoh penjajahan pula, ia menjadi pusat kegiatan ekonomi kolonial Barat, terutamanya menjadi tempat golongan kapitalis mengeksplotasi kegiatan-kegiatan perlombongan dan perladangan, untuk kepentingan mereka. Apabila negara mencapai kemerdekaan, berbagai-bagai masalah dihadapi oleh pemerintah terhadap sosioekonomi bandar raya Kuala Lumpur, terutamanya dari segi pengagihan dan ketidakseimbangan ekonomi di antara kaum. Sebagaimana juga bandar-bandar lain di negara membangun, pemusatan ekonomi tertumpu di


bandar utama. Sektor perindustrian dan perdagangan banyak diwujudkan di Kuala Lumpur kerana kemudahan asas yang diperlukan oleh sektor berkenaan telah sedia ada. Oleh itu, penduduk desa beramai-ramai berhijrah ke Kuala Lumpur untuk menawarkan diri bekerja di sektor perindustrian dan perdagangan.

Dasar Ekonomi baru yang dilancarkan pada tahun 1971, dengan menggalakan penyertaan orang Melayu dalam ekonomi bandar, menyebabkan orang-orang Melayu dari desa beramai-ramai berhijrah ke bandar. Dalam masa yang sama, bandar raya Kuala Lumpur yang telah sedia lengkap dengan infrastruktur dan lain-lain kemudahan untuk keperluan perindustrian dan perdagangan, menjadi tempat para pemodal mengadakan berbagai-bagai industri dan firma perdagangan. Implikasinya, bertambah ramai penduduk desa datang ke Kuala Lumpur untuk bekerja di bandar raya ini. Walau bagaimanapun, tidak semua penghijrah yang datang ke Kuala Lumpur, diterima sebagai pekerja dalam sektor perindustrian dan perdagangan, kerana halangan kemasukan. Jadi, untuk terus tinggal di Kuala Lumpur, mereka terpaksa mencari peluang-peluang pekerjaan lain, terutamanya pekerjaan dalam sektor informal kerana sektor ini tidak memerlukan syarat-syarat kemasukan yang ketat.

Mengenai kegiatan ekonomi sektor informal bandar pula, didapati kebanyakannya pekerjaannya dalam sektor perkhidmatan. Kegiatan dalam sektor perkhidmatan tidak menghasilkan barang, tetapi dalam bentuk perkhidmatan yang dapat membantu, menjalin dan menyelaraskan kegiatan ekonomi sektor pertama dan kedua, sehingga akhirnya sampai kepada pengguna. Kegiatannya meluas meliputi berbagai-bagai bidang. Secara kasarnya, ia boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu perkhidmatan pengeluaran dan pemasaran dan

perkhidmatan penggunaan (Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1985). Dalam pada itu, sesetengah kegiatan di sektor perkhidmatan adalah merupakan sektor formal, manakala sesetengah kegiatan lain merupakan kegiatan sektor informal. Oleh itu, agak susah untuk kita menentukan sesuatu kegiatan ekonomi bandar itu sektor formal ataupun informal. Walaupun begitu, ada kesepakatan di kalangan pengkaji ekonomi bandar, di mana sesuatu kegiatan ekonomi itu akan dikatakan kegiatan ekonomi sektor formal bila mana ciri-ciri ekonomi formal terdapat dalam kegiatan ekonomi berkenaan dan sebaliknya. Pembahagian sektor perkhidmatan kepada perkhidmatan pengeluaran dan pemasaran dan perkhidmatan penggunaan dapat dilihat pecahannya sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambarajah 3.1. Berdasarkan gambarajah ini, kita dapat melihat pecahan kegiatan ekonomi yang diklasifikasikan sebagai sektor formal dan sektor informal dalam sektor perkhidmatan.

Gambarajah 3.1 Pembahagian Sektor Perkhidmatan



Sumber: Dipetik dari Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan (1985), *Ekonomi Malaysia*, Edisi Ketiga Kuala Lumpur : Longman, m.s.112.

Selalunya, klasifikasi pekerjaan bandar dari segi data dan maklumat lebih merujuk kepada sektor formal (Mohd Razali Agus, 1988). Ianya senang dikumpul dan diklasifikasikan berdasarkan maklumat yang ada dalam rekod-rekod kerajaan. Maklumat tersebut mungkin lebih banyak berdasarkan data-data pelesenan, permit, pendaftaran syarikat dan cukai (Mohd Razali Agus, 1988: 172). Klasifikasi seperti ini agak umum dan sukar untuk menentukan kumpulan sasaran, apabila hendak mengambil sesuatu tindakan. Misalnya, dalam kes masalah pengangguran dan kemiskinan, di mana data-data yang lengkap sukar diperolehi. Sebagai contoh, klasifikasi pekerjaan di bandar raya Kuala Lumpur (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1984: 25) mengenai sektor bebas adalah merujuk kepada golongan penjaja berlesen sahaja (lihat Jadual 3.1). Sedangkan mereka yang menjaja tanpa lesen tidak diambil kira, walhal mereka telah bertahun-tahun menjaja dan memperolehi pendapatan hasil daripada aktiviti berkenaan. Apabila bantuan dan pertolongan hendak diberi, penjaja yang tidak berlesen tadi akan ketinggalan dan terpinggir.

Jadual 3.1 Klasifikasi Pekerjaan Di Bandar raya Kuala Lumpur, 1980

Kategori Pekerjaan	Pelaburan	Peratus
Perdagangan Runcit	89,200	18
Kewangan, Insuran dan Harta Tanah	33,500	7
Pengangkutan	9,290	2
Pembinaan	21,900	5
Perkhidmatan	4,840	1
Perkhidmatan Perniagaan	18,720	4
Perkhidmatan Ikhtisas	20,880	4
Perkhidmatan Lipurdiri	2,880	0.5
Perkhidmatan Persendirian	23,730	5
Hotel	10,890	2
Pejabat Am/Perkhidmatan Am	27,850	6
Perkhidmatan Pembaikan	10,680	2
Sektor Bebas	22,000	5
Industri Kecil	62,950	13
Industri Besar	18,500	4
Kerajaan, Keperluan Awam dan Perhubungan	108,480	22

1980

1980

Sumber: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1984), *Pelan Struktur Kuala Lumpur*, DBKL, hal. 25

Secara umum, sistem ekonomi bandar lebih tertumpu kepada sektor formal. Namun, sektor informal juga adalah penting dalam menggerakkan ekonomi bandar, kerana penduduk yang terlibat tidak sedikit jumlahnya. Dalam konteks bandar Kuala Lumpur, pengangguran tidak sepatutnya timbul kerana peluang-peluang pekerjaan sentiasa ada, terutamanya di sektor informal, asalkan penduduk rajin berusaha. Malah, sesetengah penduduk yang mengusahakan sektor informal di bandar raya Kuala Lumpur, memperolehi pendapatan yang lumayan dan dapat mengatasi mereka yang bekerja di sektor formal. Jadi, tidak hairanlah ada di kalangan penduduk bandar yang bekerja di

sektor formal meninggalkan sektor formal semata-mata untuk merebut peluang-peluang pendapatan yang lumayan di sektor informal.

3.4 Sektor Informal Sebagai Peluang Pekerjaan Bandar

Penduduk bandar memperolehi pendapatan melalui penglibatan diri di sektor formal dan sektor informal. Untuk bekerja di sektor formal bukanlah mudah, kerana ianya memerlukan taraf pelajaran ataupun kemahiran. Ini bererti seseorang itu hendaklah memperlengkapkan dirinya dengan pelajaran ataupun kemahiran terlebih dahulu, sebelum melibatkan diri dengan pekerjaan di sektor formal. Manakala untuk berkecimpung dalam sektor informal, agak senang kerana tidak banyak halangan di sektor ini (lihat Santos, 1979; Bromley, 1979). Apa yang diperlukan, hanyalah sedikit kemahiran asas, sedikit modal, tekun dan rajin berusaha. Lantaran sektor informal agak senang untuk diceburi, terutamanya di bandar-bandar kerana peluang sentiasa terbuka, maka sektor ini dikatakan harapan terakhir setelah gagal memperolehi pekerjaan di sektor formal (Mohd Fauzi Yaacob, 1992).

Pembandaran yang pesat di Dunia Ketiga, menyebabkan bandar-bandar mengalami tekanan penduduk yang berlebihan. Penduduk desa yang berhijrah beramai-ramai ke bandar, tidak dapat diserap sepenuhnya ke sektor formal. Oleh itu, sektor informal dapat menampung pasaran guna tenaga yang berlebihan di bandar. Peluang-peluang pekerjaan yang wujud di sektor informal bandar, dapat mengatasi masalah pengangguran. Malah, ramai penduduk bandar yang mengusahakan sektor informal, dapat menyara keluarga dan ada juga yang mengumpul kekayaan melalui sektor ini. Berdasarkan kajian-kajian yang telah

dilakukan oleh para pengkaji menunjukan bahawa kepentingan sektor informal dalam pembangunan ekonomi bandar tidak dapat dinafikan, terutamanya bagi bandar-bandar di Dunia Ketiga (lihat Hart, 1971; McGee, 1979,1982; Darkis Smith, 1981; 1987). Penglibatan penduduk bandar dalam kegiatan ekonomi sektor informal dapat dikesan melalui tiga kategori. Pertama, mereka yang mengusahakannya secara sepenuh masa dan merupakan pekerjaan utama. Kedua, mereka yang mengerjakannya secara sambilan. Ketiga, mereka yang bekerja sebagai asas untuk menjadi usahawan.

3.4.1 Sektor Informal Sebagai Pekerjaan Utama.

Kebanyakan golongan yang berhijrah ke bandar, terdiri daripada mereka yang miskin di desa, taraf pelajaran mereka juga rendah dan kurang kemahiran (Chamhuri Siwar, 1996; Noor Aini Hj.Idris, 1996). Mereka tidak mendapat peluang untuk bekerja di sektor formal. Bagi meneruskan penghidupan di bandar, golongan ini terpaksa melibatkan diri dengan kegiatan ekonomi sektor informal dan merupakan pekerjaan tetap bagi mereka. Di antara bidang pekerjaan di sektor informal bandar yang diusahakan ialah seperti menjaja, tukang rumah, tukang gunting, pemandu teksi, tukang jahit, jualan langsung dan sebagainya. Mereka memperolehi pendapatan daripada kegiatan yang dilakukan itu dan dapat pula menyara keluarga untuk terus hidup di bandar, sebagaimana yang bekerja di sektor formal.

Pemandu teksi akan melakukan kerja berkenaan sebagai kerja utamanya untuk menyara keluarga. Begitu juga dengan tukang jahit, penjaja dan lain-lain. Berbekalkan sedikit modal dan kemahiran, mereka mengharungi kehidupan bandar yang penuh cabaran dan bersaing dengan golongan yang bekerja di sektor formal. Daripada kajian-kajian, didapati sesetengah pengusaha sektor informal memperolehi pendapatan yang agak lumayan dan dapat pula hidup dengan selesa di bandar. Misalnya, kajian oleh Sin Tong Joo (1983) terhadap penjaja pasar malam di Cheras, Kuala Lumpur, mendapati mereka memperolehi pendapatan dua kali ganda daripada pekerja kilang di tempat yang sama. Kajian oleh Moha Taib Dora (1984) terhadap penjual-penjual ubat di kaki lima di Kuala Lumpur, mendapati 60 peratus mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM 1,000.00 sebulan. Manakala kajian Yusof Harun (1984) terhadap pemandu teksi, mendapati lebih separuh daripada mereka yang dikaji mempunyai pendapatan RM 700.00 sebulan.

Contoh lain bagi menggambarkan individu yang bekerja dalam sektor informal, dapat meneruskan kehidupan selesa di bandar, ialah dalam kes terhadap Encik Ayob bin Husin¹. Beliau bekerja sebagai tukang gunting semenjak enam tahun dahulu, berhampiran dengan tempat tinggalnya di Rumah Pangsa Sri Kota,

1. Temubual dengan Encik Ayob bin Husin diadakan pada 20.1.1999 dan 25.1.1999 untuk mendapat maklumat daripada beliau.

Bandar Tun Razak Kuala Lumpur. Encik Ayob menyewa sebuah setor (rumah sampah yang tidak digunakan) daripada Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Taman Mulia Bandar Tun Razak dalam kadar RM200.00 sebulan, untuk dijadikan kedai gunting rambut. Sebelum bekerja sebagai tukang gunting, Encik Ayob merupakan pekerja kilang. Beliau berhenti daripada bekerja di kilang, kerana ingin berdikari serta mencari pendapatan lebih untuk menampung keluarganya yang bertambah. Isteri beliau tidak bekerja dan merupakan suri rumah sepenuh masa.

Hasil daripada pekerjaan sebagai tukang gunting, Encik Ayob memperolehi pendapatan di antara RM900.00 – RM1,300.00 sebulan, bergantung kepada ramai atau kurangnya pelanggan. Ternyata usaha Encik Ayob ini berjaya kerana beliau tidak menghadapi persaingan yang banyak dan dengan pekerjaan inilah beliau memperolehi pendapatan untuk menyara keluarga. Malah, Encik Ayob dapat membeli sebuah rumah pangsa berharga RM35,000.00 dan sebuah kereta terpakai yang berharga lebih kurang RM20,000.00. Kehidupan Encik Ayob bersama isteri dan tiga orang anaknya agak selesa dan beliau bercadang untuk mengerjakan haji apabila wang simpananya mencukupi.

Berdasarkan contoh-contoh sebagaimana yang dipaparkan, jelas membuktikan bahawa sesetengah kegiatan ekonomi sektor informal mendatangkan pendapatan yang lumayan. Malah, jika

dibandingkan dengan pekerja di sektor formal peringkat bawahan, pendapatan di sektor informal sekali ganda lebih tinggi. Oleh itu, sektor informal bandar adalah penting sebagai satu saluran untuk menampung peluang pekerjaan di bandar.

3.4.2 Sektor Informal Sebagai Peluang Pekerjaan Sampingan

Tidak semua orang-orang yang terlibat dengan pekerjaan di sektor formal mempunyai pendapatan lumayan dan hidup dengan penuh selesa di bandar. Golongan bawahan di sektor formal, seperti kakitangan kerajaan di peringkat bawahan, pekerja-pekerja kilang dan sebagainya, memperolehi pendapatan yang tidak dapat untuk menampung kos penghidupan di bandar. Mereka adalah di antara golongan berpendapatan rendah di bandar dan menjalani penghidupan bandar dengan penuh cabaran dan tidak selesa. Oleh itu, golongan ini dapat dikesan dengan mendiami kawasan-kawasan setinggan dan perumahan awam yang subsidi daripada pihak kerajaan (lihat Ismail Stapa, 1995).

Kos penghidupan yang agak tinggi di bandar, menyebabkan golongan berpendapatan rendah diselubungi arus kemiskinan (lihat Chamhuri Siwar dan Nor Aini Haji Idris, 1996). Bagi membebaskan diri dari kemiskinan dan menambah pendapatan keluarga untuk mencapai kehidupan yang lebih selesa, mereka terpaksa bekerja keras. Di samping mengusahakan pekerjaan utama, mereka melakukan kerja-kerja sampingan. Ramai di kalangan penduduk

bandar melakukan kerja sampingan untuk menambah pendapatan.

Pekerjaan sampingan yang agak senang dilakukan ialah pekerjaan di sektor informal. Ini kerana mereka boleh melakukannya di luar waktu kerja di sektor formal seperti menjaja, jualan langsung, pemandu teksi dan lain-lain. Pekerjaan-pekerjaan seperti ini boleh dilakukan di waktu petang, malam, hari cuti umum dan sebagainya tanpa menjelaskan pekerjaan utama mereka di sektor formal.

Di sini, pengkaji akan memaparkan contoh penduduk bandar yang bekerja di sektor formal dan melakukan kerja sampingan di sektor informal, dalam usaha menambah pendapatan keluarga. Encik Hilmi bin Harun², berusia empat puluh tujuh tahun, adalah seorang kakitangan kerajaan berjawatan sebagai kerani. Telah bekerja selama sembilan belas tahun dengan kerajaan dan gaji bersih beliau kini sebanyak RM580.00 sebulan. Beliau mempunyai empat orang anak yang masih bersekolah dan isteri beliau tidak bekerja. Beliau tinggal di perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pendapatan tetap yang diperolehi oleh Encik Hilmi tidak cukup untuk menampung keperluan keluarga. Bagi mengatasinya, beliau bekerja sambilan sebagai pemandu teksi. Dengan menyewa teksi daripada sebuah syarikat, Encik Hilmi memandu teksi di waktu malam, dan hari minggu. Dengan

2. Temubual dengan Encik Hilmi bin Harun diadakan pada 26.1.1999

kegiatan sebagai pemandu teksi, Encik Hilmi memperolehi pendapatan di antara RM700.00 – RM1,000.00 sebulan. Sebagaimana yang dimaklumkan kepada pengkaji, dengan kerja sampingan sebagai pemandu teksi, beliau dapat hidup dengan agak selesa di bandar raya Kuala Lumpur ini. Jika mengharapkan pendapatan tetap sebagai kerani sudah tentu beliau menghadapi kesulitan kewangan, terutamanya untuk menyara anak-anak yang kian membesar. Katanya, beliau sedang mengumpul wang untuk membeli sebuah rumah murah jika ada peluang.

Puan Karimah binti Rashid³, juga seorang kakitangan awam disalah sebuah jabatan kerajaan sebagai kerani. Suami beliau juga seorang kakitangan kerajaan berjawatan sebagai juruteknik. Beliau tinggal di rumah kos sederhana yang dibelinya lapan tahun lalu. Pasangan ini mempunyai enam orang anak. Tiga orang sedang belajar di sekolah menengah, manakala tiga orang lagi di sekolah rendah. Selain daripada bekerja secara tetap di sektor formal (kakitangan kerajaan) Puan Karimah juga melakukan kerja sampingan untuk menambah pendapatan keluarga. Baki pendapatan beliau dan suami tinggal tidak seberapa kerana potongan bayaran rumah yang dibelinya. Manakala enam orang anaknya yang sedang belajar banyak memerlukan wang. Puan Karimah mengusahakan jualan langsung iaitu barang kemas dan

3. Temubual dengan Puan Karimah binti Rashid diadakan pada 29.1.1999

kain yang dijual secara ansuran bulanan. Usaha Puan Karimah dibantu oleh suaminya, terutamanya dari segi mendapatkan bekalan. Kerja sampingan ini dilakukannya semenjak enam tahun dulu, iaitu semenjak beliau menghadapi masalah kewangan akibat membeli rumah. Dengan kerja sampingan, yang dilakukan itu, sedikit sebanyak masalah kewangan keluarganya dapat diatasi. Menurut Puan Karimah, beliau terpaksa bekerja keras untuk mengumpul wang sebagai bekalan dan persediaan untuk anak sulungnya yang akan melanjutkan pelajaran di universiti. Semasa menceritakan kepada pengkaji, Puan Karimah memaklumkan bahawa semenjak melakukan kerja sampingan, kehidupan beliau anak-beranak tidaklah susah sangat. Buktinya, beliau mampu memiliki sebuah kereta baru dan dapat meneruskan penghidupan di bandar, walaupun kos penghidupan yang agak tinggi.

Daripada apa yang dipaparkan, jelas menunjukkan bahawa sektor informal adalah penting dalam kehidupan bandar. Selain daripada peluang mencari nafkah kepada mereka yang tidak bekerja di sektor formal, ia juga penting untuk penduduk bandar mengusahaakannya sebagai menambah pendapatan. Dengan mengusahakan kerja sampingan di sektor informal, golongan berpendapatan rendah di sektor formal dapat menambah pendapatan, tanpa menjelaskan kerja utama mereka di sektor formal.

3.4.3 Sektor Informal Sebagai Asas Melahirkan Usahawan

Sektor informal banyak membuka peluang-peluang pekerjaan di bandar. Ianya juga membuka peluang kepada golongan berpendapatan rendah bandar menambah pendapatan (Mohd Razali Agus; 1992: 168-181). Kebanyakan orang-orang yang terlibat dalam kegiatan sektor informal, adalah mereka yang bekerja sendiri (Rokiah Talib dan Mohd Fauzi Yaacob, 1986). Untuk mengusahakan sektor ini, biasanya mereka mengeluarkan modal sendiri dan dibantu oleh keluarga. Walaupun pengalaman atau kemahiran mereka agak kurang di peringkat awal operasi, lama kelamaan mereka memperolehi kemahiran dari pengalaman mengusahaannya. Individu yang menjalankan kegiatan ekonomi informal akan bekerja keras untuk menghadapi persaingan dan memajukan lagi aktiviti mereka. Oleh itu, sesetengah pendapat menyatakan individu yang mengusahakan sektor informal adalah mereka yang gigih bekerja demi untuk menjaga kegiatan mereka agar berjaya. Bagi yang bernasib baik memperolehi pendapatan lumayan dan dapat pula mengumpul kekayaan.

Rata-rata mereka yang berjaya dalam bidang perniagaan hari ini, berasal dari peringkat bawahan. Hasil daripada kerja kuat, mereka berjaya mengembangkan perniagaan. Oleh yang demikian, sesetengah individu tidak mahu bekerja di sektor formal dan mengusahakan kegiatan ekonomi di sektor informal sebagai asas untuk maju ke hadapan. Mereka menanam semangat bermula

dengan bermula di sektor informal. Pasaran yang agak luas di bandar, membolehkan sektor informal dikembangkan atau sebagai tempat mengumpul modal untuk memulakan perniagaan lain. Ramai di kalangan usahawan yang berjaya hari ini, asalnya mengusahakan sektor informal. Beberapa contoh dipaparkan dalam penyelidikan ini, bahawa sektor informal sebagai asas melahirkan usahawan.

Puan Azizah binti Abdul Rahman⁴, salah seorang warga kota yang berjaya dalam bidang keusahawanan sebagai tukang jahit pakaian wanita. Sebelum ini beliau bekerja di syarikat swasta. Beliau belajar menjahit sambil bekerja dan membuat kerja-kerja menjahit di rumahnya. Beliau mendapat tempahan daripada jiran-jiran berdekatan. Kemudiannya kedai-kedai jahit dan "butik" mula mengupah beliau untuk menjahit. Kerja-kerja ini dilakukan di rumahnya. Apabila modalnya mencukupi, beliau menyewa sebuah kedai di Bandar Tun Razak Kuala Lumpur daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk dijadikan kedai jahit. Kini, beliau mempunyai empat orang pekerja dan perniagaannya sedang berkembang maju.

4. Temubual dengan Puan Azizah binti Abdul Rahman diadakan pada 2.2.1999.

Encik Mustafa bin Ali⁵ pula, asalnya sebagai penjaja makanan bermasak di tepi jalan. Beliau mengumpul wang untuk dijadikan modal melalui kegiatan menjaja. Pada tahun 1997, beliau menyewa sebuah kedai di Taman Mulia untuk dijadikan kedai makan. Kini, Encik Mustafa tidak lagi menjaja di tepi jalan, tetapi terus mengusahakan kedai makannya. Selain isteri, kerja-kerja beliau dibantu oleh lima orang pembantu yang dibayar gaji bulanan. Beliau bercadang untuk membuka sebuah lagi kedai makan di Sepang, apabila memperolehi tempat yang sesuai.

Daripada contoh-contoh yang dipaparkan, ternyata bahawa sektor ekonomi informal adalah penting sebagai salah satu peluang penduduk bandar mencari pendapatan. Sesetengah kegiatan boleh berkembang maju dan mendatangkan pulangan yang lumayan. Oleh itu, penduduk bandar yang berpendapatan rendah, seharunya mengambil peluang untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka melalui penglibatan diri dalam kegiatan ekonomi sektor informal. Bermacam-macam kegiatan boleh dilakukan kerana di bandar penduduknya ramai yang menjadi pasaran kepada barang atau perkhidmatan yang diusahakan.

-
5. Temubual dengan Encik Mustafa bin Ali diadakan pada 5.2.1999.

3.5 Wanita Bandar Dan Sektor Informal

Perubahan dalam pemikiran masyarakat tentang kepentingan peranan wanita yang seharusnya sama dengan lelaki, hanya tercetus selepas negara mencapai kemerdekaan. Kedudukan wanita dalam masyarakat semakin menonjol, apabila terbukanya peluang pendidikan kepada mereka setaraf dengan kaum lelaki. Penekanan negara kepada sektor perindustrian yang dianggap dapat mengukuhkan ekonomi negara, menambah peluang wanita untuk bekerja dalam sektor formal (Noor Aini Khalifah, Mohaini Tajuddin dan Zaini Mahbar, 1996:27).

Wanita dengan dwikerjanya, sudah dianggap lumrah pada masa kini. Peranan tradisional wanita sebagai isteri dan ibu masih dikekalkan di samping sebagai pekerja, sama ada dalam sektor formal atau sektor informal. Lebih-lebih lagi bagi wanita bandar. Cara hidup begini seringkali menghasilkan tekanan dan konflik terhadap ibu yang bekerja. Berdasarkan kajian terhadap wanita yang bekerja dilaporkan tentang wujudnya konflik peranan, tekanan, penderitaan mental, konflik jiwa dan sebagainya (lihat Fatimah Abdullah, 1983). Peningkatan dalam pencapaian pendidikan, membolehkan wanita bersaing untuk mendapatkan pekerjaan. Lebih tinggi taraf pendidikan yang diterima, lebih besar peluang untuk mendapatkan pekerjaan.

Wanita kini memberi sumbangan secara langsung kepada pendapatan keluarga. Bagi kebanyakan wanita, bekerja menjadi satu keperluan, apabila pendapatan suami tidak mencukupi untuk menampung keperluan keluarga. Jadi, saiz pendapatan suami mempunyai impak secara langsung kepada penglibatan wanita dalam pasaran buruh (Noor Aini Khalifah, Mohaini Tajuddin dan Zaini

Mahbari, 1996) Hasrat untuk mencapai taraf hidup yang lebih tinggi juga mendorong isteri untuk bekerja. Dalam pada itu, kadar inflasi yang meningkat akan mengurangkan pendapatan benar dan juga merupakan salah satu faktor yang mendesak para isteri untuk bekerja terutamanya di bandar. Selain daripada itu, wanita juga memilih untuk bekerja sekiranya mereka bertanggungjawab menanggung keluarga sama ada anak-anak atau ibu-bapa yang sudah tua. Misalnya, bagi wanita yang bercerai atau kematian suami, tanggungjawab terhadap anak-anak dan ibu-bapa, tertanggung ke atas bahu mereka tanpa bantuan daripada pihak suami (Noor Aini Khalifah, Mohaini Tajuddin dan Zaini Mahibar, 1996: 28). Perubahan struktur ekonomi Malaysia, daripada sebuah negara yang bergantung kepada sektor pertanian kepada yang lebih pelbagai dan berorientasikan pembangunan industri, telah membentuk banyak peluang pekerjaan kepada wanita pada sekitar tahun 1960-an dan tahun 1970-an. Dengan perkataan lain, telah berlaku perpindahan wanita daripada sektor tradisional kepada sektor bukan pertanian yang lebih moden (Noor Aini Hj. Idris, 1996:114). Dalam masa yang sama, Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dan matlamat utama pembangunan industri di bawah Dasar Ekonomi Baru ialah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada semua etnik dengan keutamaan kepada kaum Melayu.

Akibat pelancaran Dasar Ekonomi Baru, ramai wanita Melayu telah berhijrah ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan dalam sektor moden, tetapi tidak semua yang berhijrah berjaya memperolehi pekerjaan. Mereka yang tidak berjaya memasuki sektor formal, muncul sebagai tenaga kerja yang tidak bertempat atau "displaced labour". Untuk meneruskan hidup di bandar yang

segitu mancabar sumber pendapatan terpaksa dicari dengan melakukan aktiviti tidak formal termasuk pembantu rumah, menjaja atau mengambil kontrak menyediakan makanan (Noor Aini Hj. Idris, 1996: 114-115). salah satu aktiviti informal yang banyak diceburi oleh wanita bandar ialah bermiaga. Walaupun ramai wanita yang mengusahakan perniagaan, namun jumlahnya masih kecil. Satu hakikat yang harus diterima ialah majoriti wanita negara ini yang terlibat dalam perniagaan hanyalah tertumpu dalam perniagaan yang bersaiz sederhana dan kecil (Fatimah Daud, 1875). Bentuk perniagaan seperti ini tergolong dalam kegiatan ekonomi informal.

Aktiviti ekonomi di sektor informal yang tidak memerlukan tenaga fizikal yang kuat, selalunya akan diceburi oleh wanita. Aktiviti-aktiviti seperti menjahit, membuat kraf, jualan langsung, menjaja dan perniagaan kecil, ramai diceburi oleh wanita. Ada di kalangan wanita bandar yang mengusahakan ekonomi sektor informal bagi menampung pendapatan suami. Manakala bagi ibu tunggal yang tidak mempunyai pekerjaan tetap, aktiviti di sektor informal terpaksa diusahakan untuk meneruskan penghidupan di bandar. Walaupun daripada kajian-kajian mendapati kemiskinan di kalangan wanita bandar kerana mereka bekerja di sektor informal (lihat Nor Aini Hj. Idris; 1998), namun sektor ini banyak membantu kalangan wanita terutamanya ibu tunggal mencari pendapatan. Paling tidak usaha yang dilakukan itu dapat menampung keperluan asas keluarga tanpa banyak bergantung kepada orang lain ataupun pihak kerajaan. Sesetengah wanita yang mengusahakan kegiatan ekonomi sektor informal memperolehi pendapatan lumayan. Banyak atau sedikit pendapatan yang diperolehi, bergantung kepada tingkat usaha mereka. Jika mereka rajin berusaha

nemperolehi pendapatan lebih. Misalnya aktiviti jualan langsung sebagaimana yang dilaporkan oleh Noraziah Ali (1990) membolehkan pengusahaannya nemperolehi pendapatan lumayan jika berusaha gigih.

Perniagaan kecil dan menjaja adalah di antara aktiviti yang ramai diceburi oleh wanita bandar (lihat Fatimah Daud, 1975; Nor Aini Hj. Idris, 1996; 1989; 1998). Pasar di Bandar Kota Bharu Kelantan misalnya, kira-kira 90 peratus peniaga terdiri daripada wanita⁶. Aktiviti seperti ini tidak memerlukan modal yang banyak dan kemahiran yang tinggi. Biasanya anak-anak atau saudara mara akan membantu dan modal harian digunakan dalam kegiatan mereka. Puan Halimah binti Daud⁷ meneruskan penghidupan di Bandar Kuala Lumpur bersama anak-anaknya walaupun suaminya meninggal dunia empat tahun lalu. Siang hari Puan Halimah mengambil upah menjaga tiga orang kanak-kanak yang kedua-dua ibu bapanya bekerja. Manakala mulai pukul tujuh malam, Puan Halimah menjual nasi lemak di depan rumahnya di Cheras Kuala Lumpur. Daripada kegiatan ini, Puan Halimah memperolehi pendapatan di antara RM 800.00 –RM 1,000.00 sebulan dan cukup untuk menyara keluarganya. Dalam temubual dengan pengkaji, Puan Halimah memaklumkan bahawa setahun selepas suaminya meninggal, beliau dan anak-anak pulang untuk menetap di kampung, tetapi berhijrah balik ke Kuala Lumpur kerana di kampung agak susah baginya untuk mencari nafkah. Kini Puan Halimah sekeluarga hidup agak selesa dengan

-
6. Pemerhatian ke atas kegiatan peniaga-peniaga Pasar Bandar Kota Bharu Kelantan diadakan pada 20.4.1999.
 7. Temubual dengan Puan Halimah binti Daud diadakan pada 2.9.1999

kegiatan ekonomi informal yang diusahakannya. Katanya, "selagi tubuh badan sihat dia mampu mencari pendapatan di bandar untuk menyara anak-anak".

Peluang untuk mencari pendapatan melalui barbagai-bagai aktiviti di sektor informal bandar menyebabkan golongan wanita tidak melepaskan peluang untuk diceburinya. Selain daripada mengusahakan secara sambilan, kegiatan ekonomi sektor informal merupakan harapan bagi wanita, terutamanya yang menanggung keluarga untuk mencari pendapatan. Ternyata sektor informal penting terutamanya untuk menampung kemiskinan yang dihadapi di kalangan wanita bandar. Sekiranya peluang ini tertutup, sudah tentu penduduk bandar menghadapi dilema untuk meneruskan penghidupan mereka di bandar terutamanya wanita.

3.6 Sektor Informal Sebagai Bekalan Barang Dan Perkhidmatan Kepada Golongan Berpendapatan Rendah Di Bandar

Secara umum, penduduk bandar dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu penduduk bandar yang berada dan penduduk bandar yang miskin. Dalam menjalani kehidupan di bandar, penduduk bandar memperolehi bekalan barang dan perkhidmatan melalui dua saluran utama, iaitu melalui sektor formal dan sektor informal. Bagi golongan berada, biasanya mendapat keperluan melalui sektor formal kerana mereka mengutamakan keselesaan dan kualiti barang yang mahu dimiliki. Bagi golongan berpendapatan rendah dan miskin, secara umumnya memperolehi barang keperluan daripada sektor informal kerana secara relatif harga yang ditawarkan agak rendah. Berdasarkan kajian-kajian ke atas corak perbelanjaan isirumah (lihat Juriah Masud, 1982; Juriah Masud dan Laily Paim, 1993 dan Ishak Shaari, 1983) mendapati keluarga

bandar berpendapatan rendah memperuntukkan sebahagian besar daripadanya untuk keperluan makanan dan perumahan.

Sehingga kini, belum ada maklumat yang jelas dan tepat tentang bagaimana penduduk bandar yang berpendapatan rendah dan miskin memperolehi bekalan barang dan perkhidmatan dari segi pola, "volume", ciri dan "trend". Mengikut Samad Hadi (1985), sehingga satu kajian yang terperinci dijalankan, perkara ini hanya boleh dispekulasikan dari kajian-kajian lain yang pernah dilakukan. Berdasarkan kajian-kajian berkenaan, Samad Hadi (1985: 229) merumuskan tentang cara bagaimana orang miskin di bandar dapat terus tinggal di bandar. Antaranya termasuklah:

- a. Orang miskin akan membeli barang yang mustahak sahaja. Beliannya adalah secara kecilan, supaya setiap ringgit itu dapat "dipanjangkan". Apabila membeli-belah, mereka akan pergi ke tempat yang murah dan seboleh-bolehnya berhampiran dengan tempat tinggalnya.
- b. Keluarga miskin juga cuba meminimumkan perbelanjaan harian dengan mengikat perut, mengurangkan makanan dan cuba mendapatkan makanan di tempat-tempat yang murah (walaupun kurang bermutu) dan di tempat-tempat di mana pertukaran "tenaga" dengan makanan boleh dilakukan.
- c. Keluarga miskin mendapatkan barang sama ada barang rumah atau barang makanan yang sudah dimasak atau belum, dari kedai-kedai dan gerai.

Bagi memenuhi keperluan, golongan berpendapatan rendah dan miskin memilih untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan daripada sektor informal. Ini kerana sektor informal yang beroperasi secara kecilan menawarkan barang dengan harga yang berpatutan. Sebagai contoh, mereka boleh membeli barang dari individu yang mengendalikan jualan barang secara bayaran ansuran⁸. Penjaja makanan bermasak di tepi-tepi jalan menjual dengan harga yang agak rendah berbanding dengan harga yang dijual di restoran. Ini kerana penjaja-penjaja di tepi jalan tidak banyak melibatkan kos dalam operasi mereka. Mereka tidak membayar sewa, tidak membayar cukai dan ada yang tidak membayar lesen perniagaan. Begitu juga dengan perkhidmatan sebagai tukang jahit dan tukang rumah, upah yang dikenakan berpatutan dan ini merupakan saluran golongan berpendapatan rendah memperolehi perkhidmatan.

Encik Idris bin Basiron⁹ adalah di antara keluarga berpendapatan rendah yang tinggal di Kuala Lumpur. Beliau bekerja sebagai pemandu di jabatan kerajaan dan isteri beliau tidak bekerja. Encik Idris sekeluarga tinggal di rumah setinggan di Pantai Dalam Kuala Lumpur. Dalam temubual dengan pengkaji, Encik Idris memberitahu bahawa beliau terpaksa berhati-hati dalam perbelanjaan harian, kerana pendapatan daripada pekerjaannya adalah rendah. Oleh itu, pasar malam yang terdapat di kawasan kediamannya merupakan saluran utama

-
8. Barang seperti pakaian, barang kemas, peralatan rumah dan sebagainya boleh dibeli secara bayaran ansuran bulanan yang rendah melalui individu yang mengusahakannya.
 9. Temubual dengan Encik Idris bin Basiron diadakan pada 21.9.1996

keluarga beliau memperolehi barang. Manakala untuk membaiki rumah setinggannya apabila rosak atau ingin membuat tambahan, beliau mendapat perkhidmatan daripada seorang tukang rumah persendirian yang tinggal berhampiran dengan rumahnya. Begitu juga untuk menempah pakaian anak-anak dan isteri, tukang jahit persendirian banyak terdapat di kawasan kediaman beliau. Melalui kaedah ini beliau dapat menjimatkan kos perbelanjaan sesuai dengan pendapatan beliau yang kecil.

Permintaan terhadap barang dan perkhidmatan yang diberikan oleh individu yang mengusahakan sektor informal bukan sahaja di kalangan golongan berpendapatan rendah, malah golongan berada juga turut memperolehi keperluan dari sektor ini. Dalam kegawatan dan kemelesetan ekonomi, penduduk bandar akan cuba menjimatkan kos penghidupan dan perbelanjaan mereka. Oleh itu, sektor informal adalah salah satu saluran yang menawarkan barang dengan harga yang berpatutan dan kadang-kadang barang yang bermutu juga boleh didapati dengan harga yang sesuai. Dengan luasnya pasaran untuk pengusaha sektor informal, maka iaanya menjadi galakan untuk pengusaha sektor informal menambah kecekapan dan mutu keluaran, agar kegiatan mereka lebih bersaing dan setanding dengan keluaran di sektor formal.

3.7 Dimensi Kemiskinan Dalam Sektor Informal Bandar

Bilangan isirumah miskin di bandar pada tahun 1970 berjumlah 85,900 orang, tahun 1980 berjumlah 97,600 orang, tahun 1990 berjumlah 77,300 orang dan tahun 1993 seramai 57,100 orang. Kadar kemiskinan bandar telah berkurangan dengan banyaknya, iaitu daripada 21.3 peratus pada tahun 1970

menurun kepada 12.6 peratus pada tahun 1980 dan seterusnya merosot daripada 7.3 peratus pada tahun 1990 kepada 4.4 peratus pada tahun 1993. Walaupun dari segi peratusan, keadaan kemiskinan menunjukkan kadar yang tidak membimbangkan, namun bilangan isirumah miskin bandar masih tinggi (tahun 1993 seramai 57,100 orang). Keadaan ini menunjukan bahawa kemiskinan masih merupakan fenomena yang serius dan akan menjelaskan pembangunan pesat Malaysia ke arah negara maju menjelang tahun 2020 (Chamhuri Siwar 1996:134).

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) rasmi yang menjadi ukuran kadar kemiskinan juga mengurangkan anggaran bilangan sebenar golongan miskin bandar. Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan iaitu RM 350 (1989) atau RM 405 (1993), tidak membedzakan kawasan bandar dengan luar bandar, walhal kos hidup di bandar adalah kira-kira 20 peratus lebih tinggi berbanding di kawasan luar bandar. Jika ukuran dilakukan berdasarkan kos hidup sebenar yang dihadapi oleh penduduk bandar, maka kadar kemiskinan bandar akan berada di tahap yang lebih tinggi (Chamhuri Siwar, 1996:133). Oleh itu, kemiskinan masih merupakan isu yang menarik minat para pengkaji untuk meneliti sebab dan puncannya serta mencadang langkah-langkah untuk mengatasinya (lihat Fong Chan Onn, 1989; Othman Hassan dan Abdul Majid Salleh, 1989; Nor Aini Hj. Idris, 1986).

Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi gejala kemiskinan. Di antaranya adalah kekurangan sumber pendapatan, tingkat pelajaran yang rendah, saiz keluarga yang ramai, kekurangan pekerjaan dan tingkat upah yang rendah serta kurangnya

penyebaran kemudahan asas seperti perumahan yang selesa serta kemudahan bekalan air, api dan sebaginya. Kemiskinan bandar adalah di antara isu yang sering ditonjolkan oleh media massa dan parti-parti politik agar pihak berkuasa mengambil tindakan sewajarnya. Menyedari akan bahayanya gejala kemiskinan terutamanya kemiskinan bandar, pelbagai program pembasmian kemiskinan bandar telah dilaksanakan seperti program NADI, PPRT dan program perumahan kos rendah (Chamhuri Siwar, 1996:134).

Dalam memperkatakan tentang kemiskinan bandar, rata-rata pengkaji kemiskinan bandar menghubungkaitkan kemiskinan bandar dengan kegiatan ekonomi di dalam sektor informal. Secara umum, golongan miskin bandar bergantung harap pada kegiatan sektor informal dan dikatakan kerana mengusahakan sektor informallah mereka miskin. Ini kerana pendapatan yang diperolehi tidak menentu dan bergantung kepada keupayaan usaha mereka. Jikalau sehari dua tidak bekerja atas alasan kesihatan, maka mereka tidak memperolehi pendapatan dan kesannya adalah perbelanjaan harian keluarga akan terjejas. Kalau dilihat dalam aspek lain, sektor ini memberi peluang pekerjaan pada mereka yang tidak bekerja mencari pendapatan dan paling tidak masalah kemiskinan dapat dikurangkan. Mereka melibatkan diri dalam sektor informal kerana terpaksa. Kekurangan dari segi pendidikan, latihan, kemahiran, pengalaman dan yang lebih penting ialah kekurangan modal, menyebabkan mereka tiada pilihan lain. Walaupun pendapatan daripada aktiviti informal kecil, tetapi berjaya mengeluarkan keluarga daripada perangkap kemiskinan (Nor Aini Hj. Idris, 1996).

Memandangkan pendapatan yang diperolehi oleh pengusaha sektor informal tidak menentu, maka mereka banyak bergantung kepada pihak berkuasa untuk meneruskan penghidupan di bandar. Mereka tidak mampu untuk membeli rumah sendiri dan dengan ini mengharapkan bantuan perumahan awam oleh pihak berkuasa. Ada juga yang mendiami kawasan-kawasan setinggan yang kekurangan kemudahan asas. Bagi menjalankan aktiviti seperti menjaja dan berniaga secara kecil-kecilan, mereka mengharapkan bantuan modal sama ada dari kawan-kawan, sanak-saudara atau agensi-agensi kewangan yang membuka peluang untuk mereka membuat pinjaman kecil¹⁰.

Chamhuri Siwar (1998) menyatakan bahawa penduduk bandar yang miskin adalah hasil daripada "kemiskinan pembandaran". Iaitu mereka yang miskin di luar bandar behijrah ke bandar dan di bandar juga mereka miskin. Atas sebab-sebab kemiskinan itulah mereka menjalankan aktiviti informal dan aktiviti perniagaan kecil di Pasar Bandar Kota Bharu Kelantan memaparkan dimensi kemiskinan di kalangan mereka yang mengusahakannya. Berbekalkan modal harian yang kecil jumlahnya, pendapatan yang diperolehi tidak seberapa. Mereka mewarisi kegiatan ini turun-temurun dan kemiskinan yang mereka alami adalah kemiskinan yang diwarisi.

Di bandar raya Kuala Lumpur, walaupun sesetangah pengusaha sektor ekonomi informal memperolehi pulangan pendapatan yang lebih baik berbanding dengan yang bekerja di sektor formal peringkat bawahan, namun berdasarkan kajian-kajian lepas, kemiskinan di bandar raya ini berhubung kait dengan sektor

10. Projek Amanah Ikhtiar Malaysia adalah salah satu saluran untuk golongan miskin mendapat bantuan selain daripada MARA dan YPEIM.

informal. Lantaran mereka miskin serta taraf pelajaran yang rendah, mereka terus-menerus terpinggir dalam arus perdana globalisasi ekonomi bandar (lihat Mohd Taib Dora dan Mohd Razali Agus, 1989). Mereka akan terus mengusahakan kegiatan ekonomi di sektor informal kerana itu sahaja yang terdaya dilakukan untuk menyara keluarga.

3.8 Rumusan

Dalam analisis Lewis (1954) mengenai masalah penduduk yang berlebihan dalam proses pembangunan negara, terutamanya di negara sedang membangun, beranggapan bahawa buruh berlebihan di sektor pertanian yang dianggap sektor tradisional boleh diserap ke sektor moden di bandar dan tidak menjelaskan "output" sektor pertanian. Lewis (1954) mengandaikan sektor moden di bandar berupaya menyerap semua buruh yang berhijrah. Tetapi apa yang berlaku ialah sektor formal di kebanyakan negara sedang membangun tidak mampu menyerap semua tenaga buruh yang berhijrah kerana asas perindustrian adalah kecil. Manakala mereka yang telah berhijrah ingin terus menetap di bandar dan menaruh harapan untuk mengubah taraf sosioekonomi mereka yang miskin ke arah yang lebih baik melalui penghijrahan ke bandar.

Walaupun banyak perindustrian diadakan di bandar-bandar, namun tidak semua penghuni bandar melibatkan diri dalam sektor ini akibat halangan-halangan dari segi taraf pelajaran dan kemahiran. Dengan ini, mereka menjalankan aktiviti ekonomi di sektor informal. Hasilnya, ekonomi bandar berkembang melalui dua sektor iaitu sektor formal dan sektor informal. Konsep ini juga dipanggil ekonomi "dualisme". Ekonomi bandar yang berteraskan konsep

"dualisme", terdapat di kebanyakan negara Dunia Ketiga seperti bandar raya Kuala Lumpur serta bandar-bandar lain di Malaysia. "Dualisme ekonomi bandar" adalah asas pembangunan ekonomi bandar-bandar berkenaan. Hubungan kait-mengait di antara sektor formal dan sektor informal, dilihat oleh pengkaji, bahawa sektor informal sebagai "pelengkap" kepada sektor formal. Tanpa sektor informal, ekonomi sektor formal tidak dapat digerakkan dalam keadaan yang sempurna. Manakala bagi migran dari desa, sektor ekonomi informal adalah merupakan "harapan terakhir" bagi mereka mencari pendapatan untuk meneruskan penghidupan di bandar.

Penduduk bandar yang ramai adalah merupakan "volume" dan peluang pasaran kepada pengiat sektor informal. Pertumbuhan kawasan-kawasan petempatan baru di bandar, banyak menyumbang kepada perkembangan sektor informal. Ada yang mengusahakannya sepenuh masa dan merupakan punca utama pendapatan keluarga dan ada juga yang mengusahakannya sebagai kerja sampingan untuk menambah pendapatan. Kebanyakan aktiviti ekonomi di sektor informal bandar merupakan aktiviti yang ringkas, bersaiz kecil dan mudah untuk "masuk dan keluar" dari kegiatan itu. Walaupun begitu, sesetengah kegiatan ekonomi sektor informal seperti menjaja, pemandu teksi dan sebagainya dikawal oleh kerajaan melalui konsep "perlesenan", "kuota" dan sebagainya, agar kegiatan berkenaan tidak disalah guna atau diambil kepentingan peribadi oleh mana-mana pihak. Walaupun ianya merupakan halangan, tetapi tidak pula merupakan penghalang utama dan sukar untuk diatasi oleh pengiatnya. Oleh yang demikian, rata-rata golongan miskin bandar menjadikan kegiatan ekonomi di sektor informal sebagai kegiatan mencari pendapatan. Manakala golongan

wanita pula menjadikan ekonomi sektor informal sebagai peluang untuk menambah pendapatan suami bagi yang berkeluarga ataupun sebagai peluang kerjaya bagi wanita yang ketiadaan suami sebagai pencari nafkah. Dalam pada itu, kegiatan ekonomi di sektor informal bandar juga berpotensi untuk maju jika individu yang mengusahakannya bersungguh-sungguh dan mempunyai sifat "ingin maju". Kegiatan yang dilakukan adalah sebagai asas untuk menuju sebagai seorang usahawan yang berjaya di masa akan datang.

Pada suatu ketika dulu, kegiatan ekonomi sektor informal dianggap sebagai sektor yang tidak berperanan dalam pembangunan ekonomi bandar. Misalnya, penjaja di tepi jalan dianggap "marginal" dan menjadi beban kepada bandar. Kajian oleh McGee dan Yeung (1977) menunjukkan dengan jelas bahawa sektor informal bandar memainkan peranan penting dalam ekonomi bandar. Bagi negara Malaysia, kerajaan menggalakkan perkembangan ekonomi sektor informal bandar, tetapi kegiatannya dikawal. Dengan dorongan dan berbagai-bagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan bagi membantu kegiatan sektor informal, adalah diharapkan sektor ini terus maju dan kemiskinan yang dialami oleh pengusaha dapat dikurangkan. Peluang-peluang baru hendaklah dibuka, agar sektor ekonomi informal bandar dapat bersaing dan berkembang seiring dengan sektor formal. Tambahan pula, aktiviti-aktiviti yang diusahakan di sektor informal merupakan salah satu jaringan pemasaran barang yang dikeluarkan oleh sektor formal.

Bagi bandar raya Kuala Lumpur, kegiatan ekonomi di sektor informal tidak dapat dinafikan lagi kepentingan dan peranannya dalam mengerakkan pembangunan ekonomi bandar raya ini. Dasar kerajaan untuk meningkatkan

golongan bumiputra menceburi lapangan perniagaan, hendaklah bermula secara kecil-kecilan, supaya mereka memperolehi pengalaman dan mengumpul modal. Bantuan-bantuan tertentu hendaklah diberi, agar komuniti bumiputra bandar dapat mengusahakannya tanpa halangan dan gangguan oleh mana-mana pihak. Dengan ini, adalah diharapkan agar pengusaha aktiviti sektor informal akan lahir sebagai usahawan yang berjaya, seiringi dengan pembangunan ekonomi bandar dari masa ke semasa. Manakala peluang untuk mana-mana individu mengusahakannya hendaklah sentiasa terbuka. Begitu juga pengusaha-pengusahanya hendaklah sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan serta mempunyai sikap tanggungjawab sosial yang tinggi, supaya keselesaan dan keindahan bandar terpelihara.

Daripada apa yang dibincangkan dalam bab ini, dapat kita fahami bahawa struktur ekonomi bandar negara membangun, didasari oleh ekonomi sektor formal dan ekonomi informal. Selaras dengan ini, "dualisme ekonomi bandar", masih berperanan dan merupakan angkubah penting dalam kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial penduduk bandar, lebih-lebih lagi bagi bandar raya Kuala Lumpur. Permasalahan sosioekonomi dan sosiopolitik yang dihadapi oleh Kuala Lumpur, merupakan pendorong kuat kepada terus bertahannya "dualisme ekonomi" bagi bandar raya ini, walaupun ekonominya telah banyak berubah maju.